

09/06/1999

Ceramah PM dalam bahasa Mandarin

KUALA LUMPUR, Selasa - Koleksi ceramah terpilih Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dalam beberapa forum antarabangsa kini diterjemah ke bahasa Mandarin sebagai tanda pengiktirafan kewibawaan dan kepemimpinannya.

Penterjemahan itu dilakukan oleh Universiti Pengajian Luar Negara Beijing, China bagi memudahkan masyarakat negara itu menghayati gaya pimpinan dan pendapat Dr Mahathir serta memahami polisi luar Malaysia.

Naib Canselor universiti berkenaan, Chen Naifang, berkata penterjemahan itu dilakukan dengan bantuan Pengarah Pengajian Melayu, Wu Zongyu atas dorongan serta minat golongan intelek dan pembaca di China.

Antara perkara utama yang menjadi inti pati buku terbabit ialah isu antarabangsa seperti keadaan ekonomi semasa rantau Asia dan langkah pemulihan ekonomi yang dirumus kerajaan Malaysia.

Buku mengandungi terjemahan 15 ucapan Perdana Menteri itu dilancarkan Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar, di Beijing 1 Jun lalu dan dijangka memasuki pasaran tempatan dalam tempoh dua bulan lagi.

Acara itu turut disaksikan Duta Malaysia ke China, Datuk Abdul Majid Ahmad Khan dan wakil dari lebih 15 kedutaan asing di China.

Majlis itu juga meraikan kunjungan Persatuan Persahabatan Malaysia-China (PPMC) ke China sempena ulang-tahun ke-25 terjalinnya hubungan diplomatik, kebudayaan dan ekonomi antara Malaysia dan China.

Menurut Timbalan Ketua delegasi PPMC, David Chua Kok Tee, selain hubungan dua hala di bidang perdagangan, langkah menggalakkan pelancongan, khususnya di kalangan masyarakat bukan Cina di sini, turut dibincangkan.

"Proses mendapatkan visa kini dipermudahkan dengan menempatkan wakil kedutaan Malaysia di beberapa bandar utama di China, khususnya bagi memudahkan pelajar China yang ingin melanjutkan pengajian tinggi di negara ini.

(END)